

Press Clipping

Perjanjian sewaan

AKER Kvaerner, syarikat kejuruteraan minyak dan gas Norway memeterai perjanjian sewaan jangka panjang untuk beroperasi di kawasan seluas 17.6 hektar di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Ini menjadikannya syarikat pertama melabur di zon industri dan komersial bersepadu di Malaysia itu.

Aker Kvaerner Sdn Bhd, anak syarikatnya di Malaysia mengumumkan kumpulan syarikat itu akan melabur RM175 juta bagi rancangan pembangunan pusat pembuatannya di PKFZ itu yang terletak berhampiran Westports di Pulau Indah.